

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 23

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pandangan Kerajaan mengenai amalan “*outsourcing*” kerja-kerja seperti pembersihan dan penyediaan makanan, amalan memberi kerja kontrak bulanan serta kerja tanpa perlindungan sosial seperti SOCSO, EPF atau insurans.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah bersetuju dan menetapkan bahawa semua aktiviti syarikat membekal dan mengurus ditamatkan berkuatkuasa 31 Mac 2019. Pekerja-pekerja di bawah syarikat-syarikat ini telah diminta untuk diserapkan kepada majikan prinsipal atau dihantar pulang ke negara asal sebelum 31 Mac 2019.